



Kenyataan Media

CYBERJAYA

9 Mei 2024

PENDUDUK KAMPUNG ORANG ASLI (KOA) KERLING TERIMA PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI YANG LEBIH LUAS

Masyarakat Orang Asli di Kampung Orang Asli (KOA) Kerling, Kuala Kubu Bharu dan kawasan sekitarnya mula menikmati kemudahan perkhidmatan telekomunikasi melalui rangkaian 4G apabila menara komunikasi siap dibina dan mula diaktifkan lebih awal melalui perkongsian rangkaian dan infrastruktur (MOCN) pada 8 Mei 2024.

Penduduk di sekitar menara tersebut dapat menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan oleh empat penyedia perkhidmatan utama iaitu CelcomDigi*, Maxis, Redtone dan U Mobile. Mulai dari tarikh ini, penduduk boleh membuat pilihan pakej-pakej yang ditawarkan oleh penyedia perkhidmatan ini mengikut kesesuaian atau keperluan masing-masing.

Menara tersebut merupakan salah satu daripada menara yang dilaksanakan di bawah inisiatif Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).

Bagi menampung keperluan mendesak penduduk di KOA Kerling, Kementerian Komunikasi melalui MCMC telah mengambil langkah proaktif dengan menggunakan rangkaian teras melalui teknologi satelit sementara menunggu sambungan gentian optik disiapkan ke menara tersebut.

Timbalan Menteri Komunikasi, YB Teo Nie Ching dalam lawatan kerja ke menara tersebut hari ini telah mengumumkan secara rasmi kepada Tok Batin KOA Kerling Encik Muhammad Taufiq Abdullah serta masyarakat Orang Asli di kawasan berkenaan tentang perkhidmatan telekomunikasi dan Internet yang baru dilancarkan.

NOTA: *CelcomDigi menawarkan dua (2) rangkaian berasingan untuk lebih banyak pilihan perkhidmatan kepada pengguna

Timbalan Menteri Komunikasi, YB Teo Nie Ching dalam lawatan kerja ke menara tersebut hari ini telah mengumumkan secara rasmi kepada Tok Batin KOA Kerling Encik Muhammad Taufiq Abdullah serta masyarakat Orang Asli di kawasan berkenaan tentang perkhidmatan telekomunikasi dan Internet yang baru dilancarkan.



Gambar 1: Ketua Bahagian Koordinasi Negeri MCMC, Hj. Bukhari Yahya (tiga kanan) sedang memberikan penerangan pelaksanaan *Proof of Concept* (POC) Starlink kepada Timbalan Menteri Komunikasi, YB Teo Nie Ching di tapak menara KOA Kerling, Kuala Kubu Bharu.

Gambar 2: Timbalan Menteri Komunikasi, YB Teo Nie Ching menyantuni masyarakat Orang Asli di Kampung Orang Asli (KOA) Kerling.

Dalam pada itu, YB Timbalan Menteri turut diberi penerangan secara terperinci berkaitan pelaksanaan inisiatif ini oleh Ketua Bahagian Koordinasi Negeri MCMC, Tuan Hj. Bukhari Yahya, di tapak menara tersebut.

Turut sama dalam lawatan ini ialah wakil-wakil daripada pihak CelcomDigi, Theta Edge dan Redtone yang terlibat dalam membina dan mengaktifkan perkhidmatan di menara tersebut.

Pihak MCMC turut menjalankan sesi ujian kualiti perkhidmatan semasa lawatan ini. Hasil dapatan ujian tersebut mencatatkan kelajuan antara 40 Mbps sehingga 70 Mbps untuk empat perkhidmatan yang tersedia.

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my

